

28 AUG 1998

Bank-Gabenor

AHMAD DON GABENOR KETIGA LETAK JAWATAN

Oleh: Azman Ujang

KUALA LUMPUR, 28 Ogos (Bernama) -- Tan Sri Ahmad Mohd Don, yang diumumkan meletakkan jawatannya sebagai Gabenor Bank Negara hari ini, merupakan pegawai tertinggi bank pusat negara ini yang ketiga meletakkan jawatan dalam tempoh 13 tahun.

Berita mengenai peletakan jawatan Ahmad serta timbalannya Datuk Fong Weng Phak dilaporkan oleh beberapa agensi berita asing sejak tengah hari tetapi hanya disahkan oleh Kementerian Kewangan menerusi satu kenyataan pada kira-kira pukul 6 petang ini.

Kenyataan itu tidak memberikan sebarang sebab kedua-dua pegawai tertinggi bank pusat itu berbuat demikian.

Dengan pengesahan peletakan jawatan Ahmad itu, yang akan berkuatkuasa mulai 1 Sept ini, ia menamatkan spekulasi berbulan-bulan lamanya dalam pasaran kewangan tempatan, yang sebelum ini sering kali dinafikan oleh Menteri Kewangan, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Pada 1 Julai lalu, Anwar menolak desas-desus bahawa Ahmad akan meletakkan jawatannya.

"Ini adalah kali ke-13. Kenapa kita harus layan (khabar angin)," katanya ketika menjawab pertanyaan pemberita.

Spekulasi semakin menjadi-jadi berikutan kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Jun lalu bahawa dasar kewangan yang ketat tidak bagus bagi negara ini.

"Saya tidak semestinya meluluskan dasar kewangan yang ketat oleh Bank Negara," beliau dipetik sebagai berkata semasa ditanya mengenai dasar bank pusat itu untuk mengekalkan kadar faedah yang tinggi.

"Kadar faedah yang tinggi sebenarnya telah menyebabkan ekonomi negara menguncup," kata Dr Mahathir, yang secara terbuka tidak setuju dengan dasar bank pusat itu.

Dr Mahathir dan Menteri Tugas-tugas Khas, Tun Daim Zainuddin, yang dilantik semula ke Kabinet Jun lalu, sering kali menggesa supaya kadar faedah diturunkan untuk memulihkan ekonomi negara yang dilanda kegawatan sejak krisis ekonomi serantau bermula setahun lalu.

Seorang bekas penasihat Bank Negara memberitahu Bernama bahawa ketegasan Ahmad untuk mengekalkan dasar kewangan yang ketat ketika ekonomi negara menguncup dengan pantas menyebabkan kedudukannya tidak boleh dipertahankan lagi.

"Beliau serta timbalannya mengambil keputusan untuk meletak jawatan atas dasar prinsip," kata bekas pegawai bank pusat itu yang tidak mahu dikenali.

Beberapa penganalisis berkata keprihatinan Dr Mahathir tentang kesan negatif dasar kewangan yang ketat itu telah terbukti ada kebenarannya berikutan pengumuman Bank Negara semalam bahawa ekonomi Malaysia telah menguncup sebanyak

-6.8 peratus dalam tempoh suku kedua tahun ini daripada -1.8 peratus pada suku pertama.

"Tugas gabenor Bank Negara adalah satu tugas yang orang tidak akan berterima kasih. Ini berlaku kerana hakikatnya kita lihat lepas satu kegagalan berlaku lagi kegagalan," katanya.

"Sesetengah orang kata jawatan gabenor itu membawa sial. Ia bukan tugas mudah untuk menguruskan dasar kewangan negara walaupun ketika masa senang apalah sekiranya dalam keadaan susah".

Sungguhpun Ahmad merupakan gabenor ketiga yang meletakkan jawatan

secara berturut-turut, masing-masing dengan alasan tersendiri, tetapi ini merupakan kali pertama kedua-dua gabenor dan timbalan gabenor meletakkan jawatan dalam satu masa.

"Mungkin ini tidak berlaku di mana-mana," kata seorang pegawai Kementerian Kewangan.

Pada 1985, Tan Sri Abdul Aziz Taha meletakkan jawatan berikutan perbezaan pendapat dengan kerajaan mengenai dasar-dasar pinjaman.

Beliau telah digantikan oleh Tan Sri Jaffar Hussein, rakan urus firma perakaunan terkemuka, Price Waterhouse, yang pernah berkata beliau mengorbankan gajinya yang lebih lumayan untuk memegang jawatan di bank pusat itu sebagai "satu pengorbanan untuk negara".

Tetapi Jaffar, yang kembali ke Rahmatullah pada 11 Ogos lalu akibat sakit barah, meletakkan jawatan ketika bank pusat itu mengalami kerugian sebanyak RM15 bilion dalam bentuk pertukaran asing kerana mempertahankan ringgit.

Ahmad, ketika itu pengarah urusan Malayan Banking Bhd, bank terbesar di negara ini, menggantikan Jaffar dan dilaporkan menyandang jawatan itu demi kepentingan negara.

Penolong gabenor Datuk Dr Zeti Akhtar Aziz telah dilantik sebagai pemangku gabenor tetapi para penganalisis berkata beliau dijangka akan memegang jawatan itu untuk satu tempoh yang singkat sementara menunggu pelantikan gabenor baru.

Sumber-sumber berkata sekurang-kurangnya dua tokoh telah disebut-sebut untuk mengisi kekosongan itu iaitu presiden Petronas Tan Sri Hassan Merican dan Datuk Raja Arshad Tun Uda, yang kini rakan urus Price Waterhouse.

-- BERNAMA

AU oba